



أونیورسیتی ملیسیا فھٹ

KENYATAAN RASMI

PERSEDIAAN MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT YANG BOLEH MENGAKIBATKAN HUJAN LEBAT SERTA BANJIR

Berdasarkan laporan semasa Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) mengenai Monsun Timur Laut yang dijangka bermula pada 11 November 2020 hingga Mac 2021.

Sepanjang tempoh ini beberapa siri hujan lebat dijangka akan berlaku di beberapa tempat khususnya di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kejadian hujan lebat yang berterusan ini boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan rendah dan kawasan yang kerap dilanda banjir.

Sehubungan dengan itu, sebagai langkah persediaan menghadapi musim tengkujuh ini, seluruh warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) dinasihatkan ;

- (i) sentiasa bersiap sedia dan peka dengan amaran hujan lebat serta angin kencang yang dikeluarkan pihak berwajib.
- (ii) membuat persiapan awal terhadap keselamatan keluarga, harta benda serta dokumen rasmi yang penting.
- (iii) membuat mengemaskini profil dan maklumat penempatan rumah kediaman masing-masing dalam Sistem *E-Community UMP*.
- (iv) sentiasa membuat semakan dengan pihak berwajib mengenai kondisi semasa.

Pihak universiti melalui pihak Jawatankuasa Bertindak Bencana UMP sentiasa memantau dan sedang membuat persediaan menghadapi bencana ini. Sebarang pemakluman terkini akan dikeluarkan dari masa ke semasa.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat Pejabat Naib Canselor

Tarikh : 23 November 2020